

Terma berikut mengubah dan/atau menambah Dokumen Perhubungan yang terpakai untuk peruntukan Perkhidmatan **oleh Bank kepada Pelanggan di Malaysia sahaja** (“**Syarat-syarat Negara Malaysia**”).

1 Perbankan Islam

Apabila Bank atau ahli Kumpulan yang berkaitan ialah HSBC Amanah Malaysia Berhad, klausa berikut hendaklah terpakai:

1.1 Kredit dan debit

Klausa 4.1 Perjanjian Perkhidmatan Utama dihapuskan dan digantikan dengan yang berikut:

Jika Akaun dikreditkan secara ralat atau mengharapkan penerimaan dana, dan dana tersebut tidak diterima atau pindahan dana yang berkaitan dibalikkan, Bank boleh membalikkan semua atau sebahagian daripada kredit tersebut; termasuk sebarang Hibah yang diberikan kepada akaun, membuat catatan yang berkaitan pada Akaun, dan, melainkan ralat oleh Bank, debit atau permintaan pembayaran balik yang segera bagi mana-mana Kerugian yang dialami oleh Bank berkaitan hal tersebut, yang mana bersesuaian.

1.2 Hibah dan yuran

Klausa 6 Perjanjian Perkhidmatan Utama dihapuskan dan digantikan dengan yang berikut:

Sebarang Hibah yang hendak diberikan tertakluk pada budi bicara mutlak Bank dan pelanggan mungkin menerima atau tidak menerima hibah untuk Akaun. Pendedahan tentang sebarang sejarah kadar hibah tidak boleh dianggap sebagai kadar pulangan indikatif atau prospektif, jaminan dan/atau janji yang mengikat secara sah bahawa hibah akan diberikan. Pelanggan mengakui bahawa, sebagaimana berkenaan:

- (a) Hibah yang diberikan oleh Bank (jika ada) mungkin bersih daripada cukai dan tertakluk kepada pemotongan atau penangguhan; dan
- (b) Bank boleh mendebitkan dari Akaun apa-apa yuran yang akan dikenakan ke Akaun tersebut pada bila-bila masa dan pembayaran tersebut akan bebas daripada sebarang pemotongan atau penangguhan cukai atau caj lain dan bank menerima amaun penuh fi tersebut.

1.3 Yuran dan caj

Klausa 12.1 Perjanjian Perkhidmatan Utama dihapuskan dan digantikan dengan yang berikut:

Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank yuran, kos, caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Ini akan menjadi yuran dan caj standard Bank melainkan jika Bank secara berasingan menyetujui yuran dan caj yang berbeza dengan Pelanggan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua jumlah yang perlu dibayar menurut Klausa ini tidak termasuk nilai tambah, penjualan, penggunaan, barangan dan perkhidmatan, perniagaan, setem atau cukai atau duti yang serupa yang mungkin berkenaan. Semua cukai atau duti tersebut akan dikenakan menurut undang-undang yang berkaitan dan Bank akan mengeluarkan invoice yang sah atau dokumen lain yang bersesuaian. Bank boleh mengubah yuran dan caj dengan notis yang munasabah kepada Pelanggan atau secara segera dengan persetujuan Pelanggan. Pembayaran semua amaun yang perlu dibayar menurut Klausa ini adalah tidak berkait dan bebas daripada sebarang pemotongan atau penangguhan untuk atau berkaitan dengan cukai, penyelarasan, tuntutan balas atau caj lain supaya Bank menerima jumlah tersebut sepenuhnya. Sekiranya pemotongan atau penangguhan untuk atau berkaitan cukai perlu dilakukan mengikut undang-undang, pembayaran hendaklah dinaikkan kepada jumlah yang setelah membuat sebarang pemotongan atau penangguhan, meninggalkan jumlah yang sama dengan pembayaran yang akan dilakukan jika tidak ada pemotongan diperlukan. Pelanggan hendaklah membuat apa-apa pembayaran yang diperlukan berhubung dengan pemotongan atau penangguhan cukai tersebut dalam tempoh yang diizinkan oleh undang-undang.

Klausa 12.2 Perjanjian Perkhidmatan Utama dihapuskan dan digantikan dengan yang berikut:

Bank boleh mendebitkan yuran, kos, caj dan perbelanjaan yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank dari mana-mana akaun yang dimaklumkan oleh Pelanggan untuk tujuan tersebut. Namun, sekiranya Pelanggan melanggar syarat-syarat/terma-terma Dokumen Perhubungan, insolvensi Pelanggan (yang meliputi, di mana Pelanggan bertindak sebagai pemegang amanah, insolvensi amanah dan mungkin juga termasuk kebangkrutan Pelanggan dalam bidang kuasa tertentu), atau di mana tindakan menurut Arahan Pelanggan tidak dapat dilakukan, Bank boleh mendebitkan yuran, kos, caj dan perbelanjaan yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank dari mana-mana akaun yang dimiliki Pelanggan dengan Bank atau mana-mana anggota Kumpulan yang lain. Sekiranya Pelanggan gagal membayar sebarang

jumlah yang perlu dibayar mengikut Dokumen Perhubungan, Pelanggan hendaklah, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, membayar yuran dan caj Bank bagi jumlah tertunggak pada kadar yang ditentukan oleh Bank (bertindak secara munasabah dan dengan suci hati), kecuali jika dipersetujui sebaliknya.

1.4 Pulangan patuh Syariah

Sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Bank kepada Pelanggan hendaklah dibuat menurut prinsip Syariah yang dijelaskan dalam panduan yang berkenaan.

1.5 Resolusi Jawatankuasa Syariah Bank dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Pelanggan akan terikat dengan (a) sebarang keputusan atau kesimpulan yang berkaitan dengan perkara-perkara Syariah yang dinyatakan atau dibuat oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan/atau oleh Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009, dan (b) dokumen polisi mengenai prinsip Syariah yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, yang terpakai untuk Perkhidmatan.

1.6 Struktur Dokumen Perhubungan

Dokumen Perhubungan mungkin mengandungi terma dan syarat yang biasa untuk Perkhidmatan yang disediakan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad dan entiti induknya, HSBC Bank Malaysia Berhad, serta terma dan syarat sendiri yang khusus untuk HSBC Amanah Malaysia Berhad atau HSBC Bank Malaysia Berhad. Dalam hal ini, Dokumen Perhubungan mungkin mengandungi variasi, pindaan atau tambahan yang khusus untuk HSBC Amanah Malaysia Berhad bagi tujuan membezakan ciri patuh Syariah dari Perkhidmatan yang diberikan. Sejauh mana Dokumen Perhubungan yang dikongsi tidak begitu berbeza, diubah dan/atau ditambah mengikut kepuasan Bank, Pihak-pihak bersetuju untuk saling berunding antara satu sama lain secara suci hati dengan tujuan untuk mengubah rujukan atau terma dan syarat yang dipersoalkan mengikut kesetaraan pematuhan Syariah tanpa menjejaskan hak dan kewajipan substantif mana-mana Pihak.

2 Agensi pelaporan kredit & Bank Negara Malaysia

2.1 Item (f) dari perenggan 2 dalam Klausa 2.2 dari Lampiran Kerahsiaan dan Kawal Selia dihapuskan dan diganti dengan yang berikut:

Dengan menggunakan Perkhidmatan, Pelanggan bersetuju bahawa Bank juga mungkin, sekiranya perlu dan sesuai untuk Tujuan, memindahkan dan

mendedahkan sebarang Maklumat Pelanggan kepada penerima berikut secara global (yang juga boleh memproses, memindahkan dan mendedahkan Maklumat Pelanggan tersebut untuk Tujuan):

(f) institusi kewangan lain, agensi rujukan kredit, agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (seperti yang disenaraikan pada laman web Bank (di www.hsbc.com.my atau www.hsbcamanah.com.my, mengikut mana yang berkenaan) atau biro kredit (termasuk yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana anak syarikatnya, atau oleh Pihak Berkuasa lain), untuk tujuan mendapatkan atau menyediakan maklumat kredit dan/atau rujukan kredit.

2.1 Klausa 10 Perjanjian Perkhidmatan Utama dan Lampiran Kerahsiaan dan Kawal Selia ditambah seperti berikut:

(a) Pelanggan memberi kebenarannya kepada Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan maklumat kredit Pelanggan kepada institusi-institusi kewangan yang lain, agensi pelaporan kredit dan pihak-pihak lain yang ditetapkan dalam seksyen 47(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (yang dipinda dari masa ke semasa) dan difikirkan patut oleh Bank Negara Malaysia ("Pihak-pihak yang Tertentu") yang memerlukan maklumat kredit Pelanggan bagi maksud/tujuan yang ditetapkan dalam akta tersebut (seperti membantu dalam menilai kelayakan kredit pelanggan yang sedia ada dan berpotensi, memberi perkhidmatan kredit pelaporan atau kredit penilaian, memberi rumusan Know-Your-Customer (e-KYC) dan memberi perkhidmatan nasihat kewangan ("Tujuan difikir-patut oleh BNM");

(b) Pelanggan memberi kebenarannya kepada Pihak-pihak yang Tertentu untuk menerima dan menggunakan maklumat kredit ini untuk Tujuan difikir-patut oleh BNM.

3 Akaun Dorman

3.1 Akaun yang tidak membuat deposit dan pengeluaran untuk jangka masa berterusan selama 12 bulan (kecuali akaun yang dimulakan oleh Bank) akan diklasifikasikan oleh Bank sebagai dorman. Akaun yang tidak aktif untuk jangka masa berterusan selama 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut dan dikendalikan mengikut keperluan wang yang tidak dituntut.

3.2 Pelanggan tidak akan dapat melakukan transaksi dengan Akaun dormant (yang belum diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut) sehingga Pelanggan mengaktifkan semula Akaun mengikut proses pengaktifan semula Bank.

4. Notis Pertukaran Asing

4.1 Pelanggan berjanji untuk mematuhi notis pertukaran asing yang lazim dan/atau undang-undang atau peraturan lain yang serupa (termasuk semua pindaan, dari semasa ke semasa) (secara kolektif, "Notis FE"), di mana berkenaan, tentang penggunaan Perkhidmatan.

4.2 Sekiranya Pelanggan perlu mendaftar dengan, dan/atau mendapatkan kelulusan daripada, Bank Negara Malaysia ("BNM") berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan, Pelanggan mengesahkan dan berjanji akan mendaftar dengan, dan/atau mendapatkan kelulusan tersebut daripada, BNM menurut syarat-syarat Notis FE yang lazim. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa mereka akan menyediakan kepada Bank semua dokumen relevan yang membuktikan pendaftaran tersebut dengan, dan/atau persetujuan daripada, BNM seawal yang mungkin sama ada diminta atau tidak oleh Bank untuk melakukannya.

5 Perkhidmatan Pembayaran Masa Sebenar (Pangkalan Data Alamat Kebangsaan dan DuitNow)

Klausa 5 ini hendaklah terpakai di mana Pelanggan memulakan dan/atau menerima pemindahan kredit menggunakan perkhidmatan DuitNow.

Maklumat tentang (i) pendaftaran ID DuitNow Pelanggan ke Akaun di Pangkalan Data Alamat Kebangsaan ("NAD") (untuk membolehkan Pelanggan menerima dana melalui DuitNow); (ii) operasi perkhidmatan DuitNow; dan (iii) hak dan kewajiban Pelanggan di bawah skim tersebut boleh didapati dari laman web berikut: <https://www.business.hsbc.com.my/en-gb/my/campaign/duitnow>. Hubungan kontrak yang mentadbir perkhidmatan NAD dan DuitNow disokong oleh terma dan syarat, peraturan dan maklumat yang disertakan di laman web tersebut.

6 Penyata Akaun

Klausa 5 Perjanjian Perkhidmatan Utama dipinda supaya tempoh masa yang relevan ialah 60 hari dan bukannya 30 hari.

7 Hak Untuk Menolak-Selesaikan (Set-off)

Klausa 8 Perjanjian Perkhidmatan Utama ditambah seperti berikut:

- (a) Sebagai tambahan kepada hak-hak untuk menolak-selesaikan (set-off) yang ditetapkan dalam Klausa 8 Perjanjian Perkhidmatan Utama, Bank boleh memegang atau menyimpan satu jumlah dalam mana-mana satu akaun Pelanggan yang dipegang dengan Bank dan entiti yang berkaitan di Malaysia, yang mana Bank menganggarkan dengan niat baik mencukupi bagi tujuan melaksanakan penolakan selesai (set-off) bagi jumlah yang, pada pendapat Bank, kemudiannya mungkin akan menjadi matang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.
- (b) Bank boleh mencantum, menyatukan dan menggabungkan semua atau mana-mana akaun Pelanggan yang dipegang dengan Bank dan entiti yang berkaitan dengannya di Malaysia untuk tujuan melaksanakan hak penolakan-selesai (set-off) di bawah Perjanjian Perkhidmatan Utama.
- (c) Dalam melaksanakan hak penolakan-selesai dan/atau penyatuan, Bank akan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan jika pemberian notis ini diwajibkan oleh undang-undang dan/atau garis panduan kawal selia di Malaysia, dan setelah notis tersebut diberikan (sekiranya diperlukan), Bank berhak untuk segera menahan jumlah baki kredit tersebut (yang dianggarkan oleh Bank secara suci hati yang mencukupi untuk penolakan-selesai tersebut) di dalam akaun Pelanggan.

8 Komunikasi, Arahan dan Prosedur Keselamatan

8.1 Definisi "Arahan" dalam Perjanjian Perkhidmatan Utama akan ditambah untuk merangkumi sebarang komunikasi dan/atau arahan yang diterima oleh Bank berhubung dengan sebarang perkhidmatan atau produk yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan, yang diterima dari atau kononnya dikirim oleh orang yang diberi-kuasa oleh Pelanggan untuk bertindak bagi pihaknya berhubung dengan perkhidmatan atau produk tersebut.

8.2 Walau apa pun peruntukan dalam Klausa 3.5 dan 3.6 Perjanjian Perkhidmatan Utama, peruntukan berikut hendaklah terpakai untuk Arahan yang diberikan atau dimulakan secara manual:

- (a) Bank boleh, tetapi tidak berkewajipan, untuk menerima Arahan yang diberikan

atau dimulakan secara manual melalui faks, e-mel, telefon atau cara telekomunikasi yang lain;

- (b) Pelanggan mengakui bahawa terdapat risiko yang berkaitan dengan Arahan yang diberikan atau dimulakan secara manual;
- (c) Bank boleh menjalankan prosedur pengesahan tersebut mengikut dasar Bank semasa menerima Arahan yang diberikan atau dimulakan secara manual; bagi pihaknya berhubung dengan perkhidmatan atau produk tersebut.
- (d) Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang dialami oleh Pelanggan sekiranya Arahan yang diberikan atau dimulakan secara manual itu sebenarnya tidak berasal daripada atau diberi-kuasai oleh Pelanggan; dan
- (e) Pelanggan seterusnya bersetuju untuk melepaskan dan mengecualikan Bank daripada kesemua liabiliti dan bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Bank untuk sebarang Kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank semasa bertindak terhadap Arahan yang diberikan atau dimulakan secara manual.

9 Kutipan dan Penggunaan Maklumat Pelanggan

9.1 Klausula 10 Perjanjian Perkhidmatan Utama dan Lampiran Kerahsiaan dan Kawal Selia ditambah supaya Bank dan/atau ahli Kumpulan juga boleh memproses, memindahkan dan mendedahkan Maklumat Pelanggan:

- (a) Berhubung dengan pemasaran penyediaan akaun, produk dan/atau Perkhidmatan oleh Bank dan anggota Kumpulan kepada Pelanggan dan Orang yang Terhubung secara amnya (klausula ini relevan sekiranya Pelanggan telah memberi kebenarannya atau kebenaran tersebut belum ditarik balik); dan
- (b) menurut Notis kepada Pelanggan berhubung dengan Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 (seperti yang dikemas kini dari semasa ke semasa, dan salinannya terdapat di laman web Bank, di www.hsbc.com.my atau www.hsbcamanah.com.my, mengikut mana yang berkenaan).

9.2 Definisi "Tujuan" dalam Perjanjian Perkhidmatan Utama hendaklah termasuk tujuan yang dinyatakan di atas.

10 Pindaan

Selain notis bertulis kepada Pelanggan dengan cara yang dinyatakan dalam Klausula 13.1 dan 13.2 Perjanjian Perkhidmatan Utama, Bank juga boleh membuat pindaan pada Dokumen Perhubungan dengan memberikan notis kepada Pelanggan dengan cara berikut:

- (a) mempamerkan notis di mana-mana premis dan/atau cawangan Bank di Malaysia;
- (b) notis dalam penyata akaun Pelanggan; atau
- (c) menyiarkan notis di laman web Bank, atau terminal elektronik, atau di akhbar atau sebarang jenis media.

11. Penutupan Akaun

Klausula 14.1 dan 14.2 Perjanjian Perkhidmatan Utama ditambah seperti berikut:

- (a) sekiranya terdapat baki kredit dalam Akaun pada tarikh penutupan Akaun, Bank akan mengembalikan baki tersebut kepada Pelanggan melalui "cashier's order" atau "demand draft" atau secara pembayaran elektronik selepas tarikh penutupan;
- (b) sekiranya terdapat baki kredit dalam Akaun matawang asing pada tarikh penutupan Akaun, Bank akan menukarkan baki tersebut ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar semasa pembelian (prevailing spot buying rate) Bank dan mengembalikan baki dalam Ringgit Malaysia kepada Pelanggan melalui "cashier's order" atau "demand draft" selepas tarikh penutupan.

12 Penyedia Infrastruktur

Klausula 11.6 Perjanjian Perkhidmatan Utama dihapuskan and digantikan dengan yang berikut:

Dalam menyediakan Perkhidmatan, Bank boleh menggunakan Penyedia Infrastruktur tertentu dan Perkhidmatan oleh itu tertakluk pada undang-undang dan peraturan Penyedia Infrastruktur serta garis panduan dan prosedur badan kawal selia atau industri yang berkaitan. Bank mahupun anggota Kumpulan yang lain tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang dialami akibat tindakan atau peninggalan oleh Penyedia

Infrastruktur, tetapi akan memberikan bantuan yang munasabah daripada segi komersial kepada Pelanggan dalam pemulihan Kerugian tersebut. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, aplikasi terma-terma dalam klausa ini tidak akan bertentangan dengan piawaian, garis panduan, dokumen polisi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa (boleh didapati dari laman web Bank Negara Malaysia www.bnm.gov.my), dan apabila pihak Bank melaksanakan haknya yang dijamin oleh terma-terma dalam klausa ini, pihak Bank akan mengambil-kira piawaian, garis panduan atau dokumen polisi Bank Negara Malaysia

13 Notis

Klausa 18 Perjanjian Perkhidmatan Utama ditambah seperti berikut:

- (a) Sebarang notis atau komunikasi dari Bank (termasuk notis berkaitan pindaan pada Dokumen Perhubungan) boleh diterbitkan di laman web Bank (di www.hsbc.com.my atau www.hsbcamanah.com.my, mengikut mana yang berkenaan) dan notis atau komunikasi tersebut dianggap telah diterima oleh Pelanggan sebaik sahaja selepas dimuat naik ke laman web Bank.
- (b) Sebarang notis secara bertulis, kenyataan atau permintaan daripada Bank dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan seperti berikut:
 - (i) Jika dihantar secara penghantaran peribadi: pada masa penyerahan;
 - (ii) Jika dihantar oleh pos biasa atau berdaftar (sama ada berdaftar AR atau bukan AR): pada hari ke-3 selepas diposkan;
 - (iii) Jika dihantar melalui perkhidmatan kiriman cepat; pada hari ke-3 selepas dihantar ke pembekal perkhidmatan kiriman cepat
 - (iv) Jika dihantar melalui faks/e-mel: pada masa transmisi